

# Bursa Malaysia yakin tarik penyertaan baru

BH 5/12/09 M/s 21

## Inisiatif penggalakkan tahun ini tingkat penjanaan modal

Oleh Azli Ayob  
azliayob@bharian.com.my

**B**URSA Malaysia yakin dapat menarik penyertaan baru di kalangan syarikat dari luar negara tahun ini menerusi inisiatif penggalakan penyertaan yang dirancang dilaksanakannya pada 2009 ini.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Yusli Mohamed Yusoff, berkata di sebalik keadaan pasaran dan ekonomi global yang kurang cergas kini, ada beberapa syarikat dari luar negara yang sudah mengadakan pertemuan dengan bursa itu bagi tujuan berkenaan.

"Kami masih berusaha menarik syarikat luar negara untuk disenaraikan di sini meskipun menyedari agak mencabar dalam keadaan semasa.

"Bagaimanapun kami gembira di sebalik keadaan pasaran ketika ini, ada beberapa syarikat luar negara berjumpa kami bagi tujuan disenaraikan di Bursa Malaysia," katanya selepas mengumumkan keputusan kewangan Bursa Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31



Disember 2008 di Kuala Lumpur, semalam.

Yusli berkata, antara inisiatif penggalakkan penyertaan dan penjanaan kegiatan menjana modal di Bursa Malaysia termasuk meneruskan usaha mengukuhkan peranan bursa tempatan itu sebagai destinasi pasaran modal Islam yang khusus dan tersendiri.

"Tumpuan juga akan terus diberikan kepada usaha meningkatkan akses pasaran, pengenalan produk dan perkhidmatan baru, memantapkan aliran mudah tunai dan menjadikan pasaran tempatan lebih bersifat antara-

**“**Di sebalik keadaan pasaran ketika ini, ada beberapa syarikat luar negara berjumpa kami bagi tujuan disenaraikan di Bursa Malaysia”

**Yusli Mohamed Yusoff**

Ketua Eksekutif Bursa Malaysia

bangsa,” katanya.

Mengenai keputusan kewangan Bursa Malaysia dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, Yusli berkata, penurunan keuntungan dan pendapatan disebabkan, terutama kejatuhan mendadak kegiatan urus niaga berikutan keadaan ekonomi dan pasaran yang mencabar.

Dalam tahun kewangan dikaji, Bursa Malaysia mencatatkan untung bersih RM104.4 juta, kurang 57 peratus daripada RM240.6 juta dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Pendapatan operasinya menurun 35 peratus kepada

RM290.3 juta daripada RM443.4 juta.

Bagaimanapun, di sebalik kejatuhan dalam keuntungannya, Bursa Malaysia tetap mengumumkan bayaran dividen akhir kasar 7.8 sen sesaham, mewakili pembayaran 91 peratus daripada keuntungan bersihnya.

Yusli berkata, meskipun perniagaan bursa saham itu menerima kesan ketara daripada krisis ekonomi global berterusan, ia tetap mampu mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh.

“Dengan krisis kredit yang terus memberikan kesan ke atas hampir semua pasaran dunia, kami melaksanakan langkah kewangan dan pengurusan berhemat di seluruh organisasi bertujuan mengurangkan kesan buruk daripada keadaan ekonomi semasa, selain memastikan nilai pemegang saham terpelihara,” katanya.

Mengenai prestasi pasaran semasa, Yusli berkata, pelabur memilih menjauhi pasaran, fenomena yang bukan hanya berlaku di pasaran tempatan, malah di pasaran seluruh dunia.